



# PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (2019-2023)

# PRAKATA

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah atau “*Corruption Risk Management Plan*” (CRM) merupakan satu langkah terancang ke arah memperkukuh dan memperkasakan tadbir urus yang terbaik di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang bertujuan untuk menutup ruang dan peluang rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan tuntutan palsu dalam organisasi. Justeru itu, penyediaan pelan pengurusan risiko rasuah yang sistematik dan bersifat holistik adalah perlu dalam usaha merangka strategi dan pendekatan bagi mencegah risiko perlakuan tersebut di KPKT melalui pelbagai cadangan tindakan beserta sasaran yang ditetapkan di bawah pelan tindakan CRM. Sejalan dengan matlamat tersebut, usaha penambahbaikan akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan agenda integriti yang digariskan di bawah Pelan tersebut sentiasa relevan dengan persekitaran Kementerian khususnya dan perkhidmatan awam amnya. Jutaan penghargaan ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga penerbitan ini dapat dijadikan rujukan serta memberi panduan kepada Bahagian dan Jabatan/Agensi di bawah KPKT dalam usaha membanteras rasuah dan menambahbaik tadbir urus di samping memartabatkan serta membudayakan integriti di organisasi masing-masing.

**Unit Integriti**

**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

**Aras 12, No. 51 Persiaran Perdana, Presint 4**

**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**

**62100 PUTRAJAYA**

**2019**

## KATA ALU-ALUAN **KETUA SETIAUSAHA** KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Pelan Pengurusan Risiko Rasuah atau dikenali sebagai "*Corruption Risk Management (CRM) Plan*" yang komprehensif dan inklusif khusus untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Kesungguhan dan komitmen Kerajaan dalam memastikan ketelusan kualiti penyampaian perkhidmatan tidak pernah luntur. Sebaliknya agenda pengukuhan integriti sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan sebagai aspirasi menjadikan Malaysia sebuah negara yang dikenali kerana integritinya, bukan kerana rasuahnya. Bagi mencapai hasrat tersebut pelbagai usaha giat dilaksanakan bagi mengukuhkan penghayatan dan pengamalan integriti menerusi program-program dan aktiviti-aktiviti di peringkat Kementerian mahupun nasional.



Sesungguhnya KPKT sentiasa menyokong aspirasi Kerajaan bagi memastikan Malaysia dikenali sebagai negara yang berintegriti dan bebas rasuah. Justeru, Pelan CRM KPKT yang telah dibangunkan secara kolektif ini perlu dilaksanakan dengan keteguhan tekad dan azam untuk memastikan setiap warga kerja KPKT berintegriti tinggi dan bebas daripada pengaruh rasuah selaras dengan tuntutan agama, aspirasi Kerajaan dan harapan rakyat.

Semoga Pelan CRM KPKT ini dapat menyediakan kerangka strategik dan menjadi panduan dan gerak kerja yang tersusun ke arah melaksanakan agenda integriti KPKT yang bersifat holistik dan mampan di setiap peringkat organisasi. Di samping itu, diharapkan semua warga KPKT dapat memahami, menghayati dan seterusnya menghindari diri daripada melakukan sebarang salah laku yang bertentangan dengan tatakelakuan penjawat awam.

Sekalung budi dan penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyediakan Pelan CRM KPKT ini. Semoga segala yang kita usahakan pada hari ini akan membentuk negara, penjawat awam dan masyarakat yang teguh berintegriti pada masa hadapan. Sekian.

A handwritten signature in black ink, appearing to be "Mohammad Bin Mentek". The signature is fluid and cursive, written on a white background.

**(DATO' SRI HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK)**

# ISI KANDUNGAN

<b>Prakata Unit Integriti</b>	<b>I</b>
<b>Kata Alu-Aluan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</b>	<b>II</b>
<b>1.0 Profil KPKT</b>	
1.1 Hala Tuju KPKT	<b>2</b>
1.2 Nilai Bersama KPKT	<b>3</b>
1.3 Peranan dan Fungsi KPKT	<b>5</b>
<b>2.0 Pengurusan Risiko Rasuah</b>	
2.1 Pengenalan Rasuah	<b>6</b>
2.2 Punca-Punca Berlaku Rasuah	
<b>3.0 Alat Pengukuran Pengurusan Risiko Rasuah</b>	
3.1 Jadual Parameter Impak Risiko	<b>7</b>
3.2 Jadual Parameter Kebarangkalian	<b>8</b>
3.3 Jadual Metrik Risiko	<b>9</b>
<b>4.0 Pengurusan Risiko Rasuah KPKT</b>	<b>10</b>
<b>5.0 Rumusan</b>	<b>24</b>

# 1.0 PROFIL KEMENTERIAN

## 1.1 Hala Tuju KPKT

Hala tuju KPKT iaitu visi, misi, matlamat dan moto adalah seperti di bawah

### VISI

Mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan selaras dengan wawasan negara

### MISI

Merealisasikan agenda pembangunan negara melalui program perumahan rakyat, perkhidmatan perbandaran dan kebombaian untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat

### MATLAMAT

Kementerian berprestasi tinggi dan berorientasikan keberhasilan demi kesejahteraan rakyat

### MOTO

Kehidupan Sejahtera

## 1.2 Nilai Bersama KPKT

Terdapat tujuh (7) nilai bersama warga KPKT yang perlu diambil perhatian oleh semua warga KPKT:

Responsif	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Sentiasa peka kepada perubahan persekitaran dan kehendak pihak berkepentingan dan pelanggan</li><li>➤ Mengutamakan pelanggan dan bertindak balas terhadap aduan pelanggan dengan cepat</li><li>➤ Mengadakan sesi rundingan dengan pihak berkepentingan dan pelanggan untuk mendapatkan maklum balas dan cadangan</li></ul>
Unggul	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Mengamalkan budaya kerja cemerlang yang berpegang teguh kepada kesegeraan dan ketepatan</li><li>➤ Mengutamakan hasil kerja berkualiti yang melangkaui ekspektasi pihak berkepentingan dan pelanggan</li><li>➤ Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan dan cekap</li></ul>
Mampan	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Organisasi yang menghayati dan mengamalkan ciri-ciri kemampuan, iaitu mampu mengekalkan pencapaian atau prestasi yang cemerlang serta melaksanakan penambahbaikan secara berterusan</li><li>➤ Memastikan pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan dapat memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan peluang generasi akan datang</li><li>➤ Sentiasa mengambil kira aspek mesra alam dalam perancangan dan pelaksanaan tugas serta amalan harian</li></ul>
Amanah	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Sentiasa mengamalkan dan berpegang teguh kepada nilai-nilai integriti dan kejujuran bagi memelihara imej Perkhidmatan Awam yang utuh</li><li>➤ Bercakap benar, menepati janji dan menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan disiplin</li><li>➤ Menepati masa dan sentiasa adil dalam menjalankan tugas</li></ul>

Harmoni	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Saling bekerjasama dalam suasana yang muhibah sebagai sebuah pasukan demi kepentingan organisasi</li> <li>➤ Mempunyai semangat kekitaan dan sepakat dalam sebarang tindakan</li> <li>➤ Memberi layanan yang mesra dan berbudi bahasa sesama anggota dalam organisasi dan juga pihak berkepentingan dan pelanggan</li> </ul>
Kreatif dan Inovatif	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Berfikir di luar kotak, kritis, konstruktif dan mengemukakan idea-idea bernas dalam menyelesaikan sesuatu isu dan masalah</li> <li>➤ Berinovatif, iaitu sentiasa mengaplikasikan sesuatu inisiatif atau kaedah baru di luar kelaziman yang boleh memberi impak signifikan kepada pelanggan</li> <li>➤ Perekayasaan proses dan prosedur kerja</li> </ul>
Upaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Berilmu, kompeten, berpengetahuan dan kemahiran dalam menjalankan tugas</li> <li>➤ Berkeyakinan tinggi dalam menyahut sebarang cabaran, berdaya saing serta bersedia menerima dan melaksanakan perubahan ke arah penambahbaikan</li> </ul>

### 1.3 PERANAN DAN FUNGSI KPKT

Terdapat sembilan (9) peranan dan fungsi KPKT seperti yang disenaraikan di bawah:

- Menyediakan rumah mampu milik untuk golongan yang berkelayakan, mengawal selia aspek pemajuan perumahan swasta dan pengurusan kediaman berstrata serta menyelesaikan masalah pertikaian perumahan.
- Membantu dan membimbing Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran, kemudahan sosioekonomi dan rekreasi yang berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan penduduk setempat.
- Memberikan perkhidmatan pencegahan, pemadaman kebakaran dan penyelamat yang cekap dan berkesan bagi memelihara keselamatan nyawa dan harta benda.
- Menyediakan dasar dan khidmat nasihat kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT berhubung perancangan, pengurusan, pemajuan, pemuliharaan tanah selaras dengan Rancangan Fizikal Negara.
- Menyediakan dasar dan khidmat nasihat kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT berhubung perancangan, pelaksanaan dan pengurusan landskap, taman dan kawasan rekreasi.
- Menyediakan dasar bagi mengawal selia perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam agar lebih bersepadu, cekap, berkesan dan kos efektif.
- Melaksanakan program dan aktiviti bagi meningkatkan daya huni bandar dan penyertaan awam dalam tadbir urus PBT.
- Memaju dan mengawal selia aktiviti pemberi pinjam wang dan pemegang pajak gadai.
- Melaksanakan program dan aktiviti bagi membasmi kemiskinan bandar dan meningkat kualiti hidup golongan miskin bandar.

## 2.0 PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

CRM ialah alat pengurusan yang digunakan untuk menangani isu-isu risiko rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan dengan menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah dan mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan anti rasuah dan mendukung nilai integriti.

### 2.1 Definisi Rasuah

Berdasarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), “rasuah” ditakrifkan sebagai penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah dan diskaun.

Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta SPRM 2009) (Akta 694), terdapat empat (4) kesalahan rasuah yang utama iaitu:

- i) Meminta atau menerima rasuah;
- ii) Menawar atau memberi suapan;
- iii) Mengemukakan tuntutan palsu; dan
- iv) Menggunakan jawatan/kedudukan untuk suapan pegawai badan awam.

### 2.2 Punca-Punca Rasuah

Antara faktor asas berlakunya rasuah ialah lemah kawalan dalaman diri (integriti) iaitu sifat tamak seseorang individu dan juga kerana wujudnya peluang untuk melakukan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Punca wujudnya peluang untuk berlakunya rasuah adalah kerana kelemahan kawalan dalaman organisasi, kelemahan kepimpinan dan penyeliaan, amalan tradisi sesebuah organisasi dan ketidakpatuhan kepada peraturan.

Selain daripada faktor dalaman, faktor luaran juga boleh menjadi punca berlakunya rasuah. Antaranya ialah:

- i) Faktor ekonomi;
- ii) Faktor sosial dan budaya;
- iii) Faktor politik; dan
- iv) Faktor pendidikan.

Kelemahan kawalan dalaman organisasi menimbulkan kesan yang tidak baik kepada organisasi seperti:

- i) Rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan;
- ii) Pembaziran pengguna masa;
- iii) Peningkatan aduan awam;
- iv) Kelewatan menyiapkan tugas;
- v) Pembaziran sumber kewangan;
- vi) Kurang kualiti dan produktiviti; dan
- vii) Menjejaskan imej jabatan.

### 3.0 ALAT PENGUKURAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

#### 3.1 Jadual Parameter Impak Risiko

Faktor	Consequences				
	Insignificant	Minor	Moderate	Major	Catastrophic
<b>Pengukuran Impak</b>					
<b>Imej/reputasi</b>	Tidak menyokong, impak rendah, tidak menjadi berita	Menyokong, impak rendah, berita profil rendah	Menyokong, mengaib pada orang ramai, berita profil sederhana	Menyokong, mengaib pada orang ramai, berita profil tinggi, tindakan pihak ketiga	Menyokong, mengaib pada orang ramai, penyebaran meluas berita profil tinggi, tindakan pihak ketiga
<b>Aduan awam</b>	< 5 per bulan	6-10 per bulan	11-20 per bulan	21-50 per bulan	>50 per bulan
<b>Perundangan/ Pematuhan</b>	Denda minima	Denda sederhana	Denda banyak	Denda banyak, mungkin termasuk pertuduhan jenayah	Pemeriksaan rapi dan penyisatan besar
<b>Akibat risiko/ Usaha pengurusan</b>	Impak boleh diserap melalui aktiviti biasa/normal	Peristiwa yang merugikan yang mana boleh diserap melalui usaha pihak pengurusan	Perkara yang serius yang memerlukan usaha tambahan dari pengurusan	Peristiwa yang kritikal yang memerlukan usaha luar biasa dari pengurusan	Malapetaka yang berpotensi kepada kemusnahan/kejatuhan ( <i>collapse</i> )

### 3.2 Jadual Parameter Kebarangkalian

Penerangan	Penerangan Kebarangkalian Risiko
<i>Almost certain</i>	Peristiwa dijangkakan berlaku dalam banyak keadaan, contoh ianya kemungkinan berlaku lebih 95% dalam tempoh 12 bulan akan datang
<i>Likely</i>	Peristiwa berkemungkinan berlaku dalam banyak keadaan, contoh ianya berlaku di atas di antara 50% dan 94% dalam tempoh 12 bulan akan datang
<i>Moderate</i>	Peristiwa mungkin berlaku dalam beberapa keadaan, contoh berlaku di antara 25% dan 49% dalam tempoh 12 bulan akan datang
<i>Unlikely</i>	Peristiwa boleh berlaku dalam beberapa keadaan, contoh antara 5 % dan 24% dalam tempoh 12 bulan akan datang
<i>Rare</i>	Peristiwa mungkin berlaku hanya dalam keadaan luar biasa, contoh di bawah 5% berlaku dalam tempoh 12 bulan akan datang

### 3.3 Jadual Metrik Risiko

		Impak				
		<i>Insignificant</i>	<i>Minor</i>	<i>Moderate</i>	<i>Major</i>	<i>Catastrophic</i>
Kebarangkalian	<i>Almost certain</i>	<i>Significant</i>	<i>Significant</i>	<i>High</i>	<i>High</i>	<i>High</i>
	<i>Likely</i>	<i>Moderate</i>	<i>Significant</i>	<i>Significant</i>	<i>High</i>	<i>High</i>
	<i>Moderate</i>	<i>Low</i>	<i>Moderate</i>	<i>Significant</i>	<i>High</i>	<i>High</i>
	<i>Unlikely</i>	<i>Low</i>	<i>Low</i>	<i>Moderate</i>	<i>Significant</i>	<i>High</i>
	<i>Rare</i>	<i>Low</i>	<i>Low</i>	<i>Moderate</i>	<i>Significant</i>	<i>Significant</i>

- Risiko diukur dalam terma wujud kebarangkalian (*likelihood*) & Impak/akibat (*consequence*) dari kewujudan itu.

## 4.0 PENGURUSAN RISIKO RASUAH KPKT

### DAFTAR RISIKO RASUAH KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAN TEMPATAN

Kod Risiko	Risiko	Tahap Risiko
1	Salah guna kuasa semasa pemantauan projek-projek pembangunan	<i>High</i>
2	Keputusan tidak adil dalam mengesyorkan Tempoh Pelanjutan Masa bagi pengurusan projek	<i>High</i>
3	Kebocoran maklumat dalam pengurusan tender/sebutharga	<i>High</i>
4	Salah guna kuasa dan penyelewengan dalam pengurusan perolehan	<i>High</i>
5	Tuntutan palsu	<i>High</i>
6	Pengabaian/penyelewengan aktiviti penguatkuasaan di peringkat Bahagian dan COB PBT	<i>Significant</i>
7	Pegawai penyiasat/penguatkuasa menerima atau meminta bayaran semasa pemeriksaan premis	<i>Significant</i>
8	Pemilihan penerima bantuan/subsidi	<i>Significant</i>
9	Pembayaran tidak mengikut kontrak	<i>Significant</i>
10	Pembayaran gaji kepada pegawai yang tidak layak menerima	<i>Significant</i>
11	Pembayaran tanpa dokumen lengkap	<i>Significant</i>
12	Kutipan hasil yang tidak dikeluarkan resit/resit palsu	<i>Significant</i>
13	Pencerobohan ke sistem, pusat data dan rangkaian KPKT	<i>Significant</i>
14	Pemberian markah dan bintang bagi PBT melalui penilaian yang dilakukan	<i>Significant</i>
15	Penyelewengan dalam penentuan kawasan pemajuan bagi penyelenggaraan yang akan diluluskan	<i>Moderate</i>
16	Kebocoran maklumat dan perancangan Kerajaan yang belum dimuktamadkan	<i>Moderate</i>
17	Penempatan pegawai di jawatan-jawatan "hotspot"	<i>Moderate</i>
18	Kegagalan Pegawai Pemeriksa Aset Alih untuk menjalankan pemeriksaan Aset secara menyeluruh (100%)	<i>Moderate</i>
19	Penyalahgunaan Kenderaan Kementerian bagi tujuan bukan rasmi	<i>Low</i>
20	Tatakelakuan dan penyalahgunaan kuasa Presiden Tribunal yang mendengar kes	<i>Low</i>

**PEMETAAN RISIKO RASUAH (RISK MAP)  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

		Impak				
		<i>Insignificant</i>	<i>Minor</i>	<i>Moderate</i>	<i>Major</i>	<i>Catastrophic</i>
Kebarangkalian	<i>Almost certain</i>					
	<i>Likely</i>		14			
	<i>Moderate</i>				1, 2, 3, 4, 5	
	<i>Unlikely</i>		19,20	15,16,17, 18	6,7,8, 9 10,11,12,	
	<i>Rare</i>				13	

Petunjuk : Low Moderate Significant High

## PELAN TINDAKAN RISIKO RASUAH

KOD RISIKO	RISIKO/POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH PELAN TERPERINCI
1	Salah guna kuasa semasa pemantauan projek-projek pembangunan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pegawai tidak berintegriti</li> <li>2. Pakatan rasuah dalam memanipulasi tuntutan bayaran kemajuan projek</li> <li>3. Wujudnya tawaran lumayan daripada kontraktor</li> <li>4. <i>Conflict of interest</i></li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Projek sakit/terbengkalai</li> <li>2. Imej kementerian terjejas</li> <li>3. Kerugian kepada rakyat (tiada <i>value for money</i>)</li> <li>4. Penambahan kos projek</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melaksanakan pusingan kerja</li> <li>2. Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993</li> <li>3. Bengkel/kursus pemantapan integriti</li> <li>4. Penghargaan kepada kontraktor dan pegawai penguasa yang berjaya menyiapkan projek mengikut masa, kos dan kualiti yang ditetapkan</li> </ol>	<p>BSM</p> <p>BPEMB</p> <p>BPEMB</p> <p>BPEMB</p>	<p>2019 -2023 (Berterusan)</p> <p>2019 -2023 (Berterusan)</p> <p>April 2020 dan berterusan</p> <p>2019 -2023 (Setiap akhir tahun - Disember)</p>
2	Keputusan tidak adil dalam mengesyorkan Tempoh Pelanjutan Masa bagi pengurusan projek	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pegawai tidak berintegriti</li> <li>2. Pakatan rasuah</li> <li>3. Wujudnya tawaran lumayan daripada kontraktor</li> <li>4. <i>Conflict of interest</i></li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Projek sakit / terbengkalai</li> <li>2. Imej kementerian terjejas</li> <li>3. Kerugian kepada rakyat (tiada <i>value for money</i>)</li> <li>4. Penambahan kos projek</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melaksanakan pusingan kerja</li> <li>2. Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (kelakuan dan Tatatertib) 1993</li> <li>3. Bengkel/kursus pemantapan integriti</li> <li>4. Penghargaan kepada kontraktor dan pegawai penguasa yang berjaya menyiapkan projek mengikut masa, kos dan kualiti yang ditetapkan</li> </ol>	<p>BSM</p> <p>BPEMB</p> <p>BPEMB</p> <p>BPEMB</p>	<p>2019 -2023 (Berterusan)</p> <p>2019 -2023 (Berterusan)</p> <p>April 2020 dan berterusan</p> <p>2019 -2023 (Setiap akhir tahun - Disember)</p>

KOD RISIKO	RISIKO/POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH PELAN TERPERINCI
3	Kebocoran maklumat dalam pengurusan tender/ sebutharga	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pegawai tidak berintegriti</li> <li>2. Wujudnya tawaran lumayan daripada petender</li> <li>3. Salah guna ICT – penyebaran maklumat</li> <li>4. <i>Conflict of interest</i></li> <li>5. Salah guna kuasa</li> <li>6. Kecuaian</li> <li>7. Sabotaj</li> <li>8. Pegawai kurang mahir</li> <li>9. Kelemahan kawalan dokumen terperingkat</li> <li>10. Masalah keterhutangan serius</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Imej Kementerian terjejas</li> <li>2. Kerugian wang awam-penambahan kos projek</li> <li>3. Prestasi pelaksanaan projek terjejas menyebabkan projek sakit/terbengkalai</li> <li>4. Keselamatan negara dan pegawai terjejas</li> <li>5. Kepercayaan masyarakat dan pelanggan/ pemegang taruh berkurangan</li> <li>6. Mendapat perkhidmatan/ bekalan/ projek kurang berkualiti/ tidak memenuhi spesifikasi dan tidak mematuhi garis masa yang ditetapkan</li> <li>7. Tuntutan palsu oleh pembekal</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mewajibkan kursus berkaitan kewangan / integriti/CGSO (spesifik) untuk meningkatkan kompetensi &amp; integriti pegawai</li> <li>2. Melaksanakan pusingan kerja</li> <li>3. Tindakan tatatertib atau surcaj</li> <li>4. Larangan smartphone di dalam bilik mesyuarat</li> <li>5. Kawalan dalaman – Pemantauan berkala</li> </ol>	<p>BKew &amp; Pero</p> <p>BSM</p> <p>Unit integriti</p> <p>Semua Bahagian/ Unit</p> <p>Semua Bahagian/ Unit</p>	<p>2019 -2023 (Sekali setahun)</p> <p>2019 -2023 (Berterusan)</p> <p>2019 -2023 (Berterusan)</p> <p>2019 -2023 (Berterusan)</p> <p>2019 -2023 (Berterusan)</p>

KOD RISIKO	RISIKO/POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH PELAN TERPERINCI
4	Salah guna kuasa dan penyelewengan dalam pengurusan perolehan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kecenderungan kepada pembekal tertentu</li> <li>2. Pegawai kurang integriti</li> <li>3. Sabotaj</li> <li>4. Penyelenggaraan cara hidup melebihi emolumen</li> <li>5. <i>Conflict of interest</i></li> <li>6. Rasuah</li> <li>7. Masalah keterhutangan serius</li> <li>8. Tiada tindakan susulan oleh penyelia/ ketua jabatan (<i>follow-up and follow through</i>)</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Imej kementerian terjejas</li> <li>2. Kerugian wang awam (penambahan kos projek)</li> <li>3. Prestasi pelaksanaan projek terjejas- Projek sakit/terbengkalai</li> <li>4. Keselamatan negara dan pegawai terjejas</li> <li>5. Kepercayaan masyarakat dan pelanggan/ pemegang taruh berkurangan</li> <li>6. Mendapat perkhidmatan/ bekalan/ projek kurang berkualiti/ tidak memenuhi spesifikasi dan tidak mematuhi garis masa yang ditetapkan</li> <li>7. Tuntutan palsu oleh pembekal</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mewajibkan kursus berkaitan kewangan / integriti/CGSO (spesifik) untuk meningkatkan kompetensi &amp; integriti pegawai</li> <li>2. Melaksanakan pusingan kerja</li> <li>3. Tindakan tegas/ tatatertib/ surcaj</li> <li>4. Penerapan nilai-nilai murni (lawatan/taklimat)</li> <li>5. Surat Arahan Dalaman</li> </ol>	<p>BKew &amp; Pero</p> <p>BSM</p> <p>Unit integriti</p> <p>Semua Bahagian / Unit</p> <p>BKew &amp; Pero</p>	<p>2019 - 2023 (Sekali setahun)</p> <p>2019 -2023 (Berterusan)</p> <p>2019 -2023 (Berterusan)</p> <p>2019 -2023 (Berterusan)</p> <p>2019 - 2023 (Mengikut keperluan)</p>
5	Tuntutan palsu	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Conflict of interest</i></li> <li>2. Pegawai kurang berintegriti</li> <li>3. Rasuah</li> <li>4. Kecuaian</li> <li>5. Sabotaj</li> <li>6. Ketidapatuhan kepada peraturan kewangan</li> <li>7. Salah guna kuasa</li> <li>8. Masalah keberhutangan serius</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kehilangan wang awam</li> <li>2. Menjejaskan imej kerajaan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mewajibkan kursus berkaitan kewangan integriti/nilai-nilai murni (spesifik) untuk meningkatkan kompetensi dan integriti pegawai</li> <li>2. Tindakan tatatertib atau surcaj</li> </ol>	<p>BKew &amp; Pero</p> <p>Unit Integriti</p>	<p>2019 2023 (1 kali setahun)</p> <p>2019 - 2023 Berterusan</p>

KOD RISIKO	RISIKO/POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH PELAN TERPERINCI
6	Pengabaian/ penyelewengan aktiviti penguatkuasaan di peringkat Bahagian dan Pesuruhjaya Bangunan bagi Pihak Berkuasa Tempatan (COB PBT)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pegawai kurang integriti</li> <li>2. Masalah keterhutangan serius</li> <li>3. <i>Joint Management Body (JMB)/ Management Corporation (MC)</i> serta pemaju menawarkan ganjaran suapan bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan.</li> <li>4. Kelemahan pemahaman berkaitan Akta 757</li> <li>5. Kekurangan kapasiti dalam aktiviti penguatkuasaan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ketidakpatuhan Akta 757</li> <li>2. Kualiti pengurusan strata terjejas</li> <li>3. Kepercayaan masyarakat menurun</li> <li>4. Wujud penyelewengan dalam pengurusan strata</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Rujukan kepada Tribunal Pengurusan Strata</li> <li>2. Rujukan kepada semakan Kehakiman</li> <li>3. Auditan silang</li> <li>4. Kemaskini dan pindaan Akta 757</li> <li>5. Peningkatan kapasiti (latihan kepada pegawai dan pembangunan organisasi)</li> <li>6. Tindakan tatatertib atau surcaj</li> </ol>	<p>BPP</p> <p>TPPS</p> <p>BPP</p> <p>BPP</p> <p>BPP</p> <p>Unit Integriti</p>	<p>2019 -2023 (Berterusan)</p> <p>2019 -2023 (Berterusan)</p> <p>2019 -2023 (Berterusan)</p> <p>Disember 2019</p> <p>2019 -2023 (Berterusan)</p> <p>2019 -2023 (Berterusan)</p>

KOD RISIKO	RISIKO/POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH PELAN TERPERINCI
7	Pegawai penyiasat/penguatkuasa menerima atau meminta bayaran semasa pemeriksaan premis	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pegawai kurang integriti</li> <li>2. <i>Conflict of interest</i></li> <li>3. Amalan dan budaya kerja</li> <li>4. Tidak faham SOP</li> <li>5. Dipengaruhi rakan sejawat</li> <li>6. Kerelaan syarikat untuk menawarkan sesuatu imbuhan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Imej kementerian dan kerajaan terjejas</li> <li>2. Kepercayaan masyarakat khususnya di kalangan peminjam dan pemajak menurun</li> <li>3. Berpotensi mewujudkan sindiket dan kartel yang dikuasai oleh kumpulan kongsi gelap</li> <li>4. Peminjam dan pemajak teraniaya</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meminda akta sedia ada atau mewujudkan akta baharu</li> <li>2. Memperbaiki proses kerja dari semasa ke semasa</li> <li>3. Melaksanakan proses <i>integrity vetting</i> di kalangan pegawai baharu yang akan dipindahkan ke BKKK dari PDRM/ KDN</li> <li>4. Melaksanakan pusingan kerja</li> <li>5. Melaksanakan pemantauan secara <i>ad-hoc</i> dan mengejut oleh pegawai dari bahagian lain (<i>mystery shopping</i>)</li> <li>6. Menyemak SOP penguatkuasaan dari semasa ke semasa agar selari dengan perubahan dan kehendak semasa</li> <li>7. Meningkatkan kursus kemahiran dan latihan yang lebih komprehensif</li> </ol>	<p>BKKK</p> <p>BKKK</p> <p>BKKK</p> <p>BSM</p> <p>BKKK</p> <p>BKKK</p> <p>BKKK</p>	<p>2021</p> <p>2019 - 2023 (Sepanjang tahun)</p> <p>November 2019 dan berterusan</p> <p>2019 -2023 (Berterusan)</p> <p>Januari 2020 dan berterusan</p> <p>2019 - 2023 (Sepanjang tahun)</p> <p>Mac 2020 dan berterusan</p>

KOD RISIKO	RISIKO/POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH PELAN TERPERINCI
8	Pemilihan penerima bantuan/ subsidi	1. Pegawai kurang integriti 2. <i>Conflict of interest</i> 3. Rasuah 4. Penyelenggaraan cara hidup melebihi emolumen 5. Tidak mematuhi prosedur kerja 6. Kurang pemantauan - <i>one man show</i>	1. Imej Kerajaan terjejas 2. Kepercayaan masyarakat menurun 3. Bantuan yang disasarkan tidak diterima oleh golongan sasaran sebenar 4. Nilai kadar bantuan tidak setimpal dengan nilai bantuan sebenar	1. Penambahbaikan arahan dalaman dan pematuhan senarai semak penerima bantuan 2. Pengemaskini SOP dari masa ke masa 3. Audit dalaman/ pemeriksaan mengejut ( <i>random spot check</i> ) oleh Ketua Jabatan kepada proses pemilihan penerima bantuan 4. Pendedahan dan penerapan nilai murni dan etika kerja 5. Menyediakan/menyelaras <i>refresher course</i> 6. Permohonan PPKB melalui atas talian ( <i>online</i> )	BKB  BKB  BKB  BKB  BKB	November 2019  November 2019 dan berterusan  2019 - 2023 (4 kali setahun)  2019 - 2023 (2 kali setahun)  April 2020 (1 kali)  Ogos 2020

KOD RISIKO	RISIKO/POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH PELAN TERPERINCI
9	Pembayaran tidak mengikut kontrak	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Conflict of interest</i></li> <li>2. Pegawai kurang berintegriti</li> <li>3. Rasuah</li> <li>4. Kecuaian</li> <li>5. Sabotaj</li> <li>6. Kurang pengetahuan/SOP</li> <li>7. Ketidapatuhan kepada tatacara perolehan/kewangan</li> <li>8. Salah guna kuasa</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kehilangan wang awam</li> <li>2. Menjejaskan imej kerajaan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Audit dalam/pemeriksaan mengejut (<i>Random Spot Check</i>) oleh Ketua Jabatan / Penyelia</li> <li>2. Mewajibkan kursus berkaitan kewangan / integriti (spesifik) untuk meningkatkan kompetensi dan integriti pegawai</li> <li>3. Tindakan tatatertib atau surcaj</li> </ol>	<p>BKew &amp; Pero</p> <p>BKew &amp; Pero</p> <p>Unit Integriti</p>	<p>2019 - 2023 (Mengikut keperluan)</p> <p>2019 -2023 (1 kali setahun)</p> <p>2019 2023 (Berterusan)</p>
10	Pembayaran gaji kepada pegawai yang tidak layak menerima	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Conflict of interest</i></li> <li>2. Pegawai kurang berintegriti</li> <li>3. Rasuah</li> <li>4. Kecuaian</li> <li>5. Sabotaj</li> <li>6. Kurang pengetahuan/SOP</li> <li>7. Ketidapatuhan kepada tatacara perolehan/kewangan</li> <li>8. Salah guna kuasa</li> <li>9. Tiada mekanisme semakan (gaji)</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kehilangan wang awam</li> <li>2. Menjejaskan imej kerajaan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mewajibkan kursus berkaitan kewangan / integriti (spesifik) untuk meningkatkan kompetensi &amp; integriti pegawai</li> <li>2. Tindakan tatatertib atau surcaj</li> <li>3. Pengesahan bulanan oleh Ketua Jabatan/ Bahagian/Unit bagi pembayaran gaji (<i>cross check</i>)</li> </ol>	<p>BKew &amp; Pero</p> <p>BKew &amp; Pero</p> <p>Unit Integriti</p>	<p>2019 - 2023 (Mengikut keperluan)</p> <p>2019 -2023 (1 kali setahun)</p> <p>2019-2023 (Berterusan)</p>

KOD RISIKO	RISIKO/POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH PELAN TERPERINCI
11	Pembayaran tanpa dokumen lengkap	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Conflict of interest</i></li> <li>2. Pegawai kurang berintegriti</li> <li>3. Rasuah</li> <li>4. Kecuaian</li> <li>5. Sabotaj</li> <li>6. Kurang pengetahuan/SOP</li> <li>7. Ketidapatuhan kepada tatacara perolehan/kewangan</li> <li>8. Salah guna kuasa</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kehilangan wang awam</li> <li>2. Menjejaskan imej kerajaan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Audit dalam/pemeriksaan mengejut (<i>Random Spot Check</i>) oleh Ketua Jabatan / Penyelia</li> <li>2. Mewajibkan kursus berkaitan kewangan / integriti (spesifik) untuk meningkatkan kompetensi dan integriti pegawai</li> <li>3. Tindakan tatatertib atau surcaj</li> </ol>	<p>BKew &amp; Pero</p> <p>BKew &amp; Pero</p> <p>Unit Integriti</p>	<p>2019 - 2023 (Mengikut keperluan)</p> <p>2019 -2023 (1 kali setahun)</p> <p>2019 2023 (Berterusan)</p>
12	Kutipan hasil yang tidak dikeluarkan resit/resit palsu	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pegawai kurang berintegriti</li> <li>2. Salah guna kuasa</li> <li>3. Kecuaian</li> <li>4. Sabotaj</li> <li>5. Kurang mekanisme</li> <li>6. semakan</li> <li>7. Ketidapatuhan kepada tatacara perolehan/kewangan</li> <li>8. Masalah keterhutangan serius</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kehilangan wang awam</li> <li>2. Menjejaskan imej kerajaan</li> <li>3. Menjejaskan kepercayaan orang awam</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mewajibkan kursus berkaitan kewangan / integriti (spesifik) untuk meningkatkan kompetensi dan integriti pegawai</li> <li>2. Tindakan tatatertib atau surcaj</li> </ol>	<p>BKew &amp; Pero</p> <p>Unit Integriti</p>	<p>2019 -2023 (1 kali setahun)</p> <p>2019 - 2023 (Berterusan)</p>

KOD RISIKO	RISIKO/POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH PELAN TERPERINCI
13	Pencerobohan ke atas sistem, pusat data dan rangkaian KPKT	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pegawai tidak berintegriti</li> <li>2. Kurang kawalan dalaman dan pematuhan prosidur</li> <li>3. Kurang kesedaran mengenai kepentingan keselamatan ICT</li> <li>4. Penggunaan security solution tidak asli dan yang luput tarikh sah</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kebocoran/ kecurian/ kerosakan data/ maklumat mengakibatkan kepercayaan masyarakat</li> <li>2. menurun Menjatuhkan reputasi Kementerian</li> <li>3. Kos pemulihan akibat gangguan perkhidmatan dan operasi ICT</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melaksanakan pusingan kerja</li> <li>2. Kursus/bengkel/motivasi – untuk meningkatkan integriti, kemahiran</li> <li>3. Tindakan tatatertib atau surcaj</li> </ol>	<p>BSM</p> <p>BTM</p> <p>Unit Integriti</p>	<p>2019 - 2023 (Berterusan)</p> <p>2019 -2023 (Berterusan)</p> <p>2019 – 2023 (Berterusan)</p>
14	Pemberian markah dan bintang bagi PBT melalui penilaian yang dilakukan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ketua Jabatan dan Kakitangan yang terlebih/ tidak ambil kisah dengan pencapaian PBT</li> <li>2. Sikap ambil mudah terhadap kriteria</li> <li>3. Sabotaj</li> <li>4. <i>Conflict of interest</i></li> <li>5. Kecuaian kakitangan</li> <li>6. Penyimpanan rekod yang tidak efisien</li> <li>7. Tidak faham SOP/ISO</li> <li>8. Tahap integriti dan kebertanggungjawab-an yang rendah dalam kalangan kakitangan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Persepsi Kerajaan Negeri terhadap PBT terjejas</li> <li>2. Aduan awam meningkat</li> <li>3. Imej PBT dalam kalangan PBT-PBT lain terjejas</li> <li>4. Prestasi perkhidmatan yang rendah</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Arahan dalaman Ketua Jabatan/Bahagian</li> <li>2. Akujanji Penilai sebelum menghadiri Penilaian</li> </ol>	<p>BDI</p> <p>BDI</p>	<p>Januari 2020</p> <p>Januari 2020</p>

KOD RISIKO	RISIKO/POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH PELAN TERPERINCI
15	Penyelewengan dalam penentuan kawasan pemajuan bagi penyelenggaraan yang akan diluluskan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mengikut kehendak pemegang taruh</li> <li>Pegawai kurang integriti</li> <li>Masalah keterhutangan serius</li> <li>Berat sebelah terhadap permohonan yang diterima</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Imej Kerajaan terjejas</li> <li>Pengagihan bantuan yang lemah</li> <li>Kepercayaan orang awam terjejas</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Semakan/tambah baik SOP</li> <li>Auditan silang</li> <li>Tindakan tatatertib atau surcaj</li> <li>Melaksanakan pusingan kerja</li> <li>Kursus/latihan integriti</li> </ol>	<p>BPP</p> <p>BPP</p> <p>Unit Integriti</p> <p>BSM</p> <p>BPP</p>	<p>2019 - 2023 (Berterusan)</p> <p>2019 - 2023 (Berterusan)</p> <p>2019 – 2023 (Berterusan)</p> <p>2019 – 2023 (Berterusan)</p> <p>2019 – 2023 (Berterusan)</p>
16	Kebocoran maklumat dan perancangan Kerajaan yang belum dimuktamadkan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Pegawai kurang integriti</li> <li><i>Conflict of interest</i></li> <li><i>Political Aspiration</i></li> <li><i>Stakeholders demand</i></li> <li>Bangga diri</li> <li>Tawaran dari pihak berkepentingan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Imej kementerian dan kerajaan terjejas</li> <li>Risiko keselamatan delegasi negara</li> <li>Kepercayaan rakyat menurun</li> <li>Pembaziran wang negara</li> <li>Dasar dan program yang tidak selari dengan aspirasi Kerajaan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menghadkan penggunaan smartphone di dalam bilik mesyuarat</li> <li>Menghadkan keahlian mesyuarat utama KPKT</li> <li>Sediakan SOP / garis panduan - <i>conflict of interest</i></li> <li>Melaksanakan pusingan kerja</li> <li>Kursus/ bengkel/motivasi - untuk meningkatkan integriti, kemahiran</li> <li>Tindakan tatatertib atau surcaj</li> </ol>	<p>BKS</p> <p>BKS</p> <p>BKS</p> <p>BSM</p> <p>BKS</p> <p>Unit Integriti</p>	<p>2019 – 2023 (Berterusan)</p> <p>2019 – 2023 (Berterusan)</p> <p>2019 – 2023 (Berterusan)</p> <p>2019 – 2023 (Berterusan)</p> <p>2019 – 2023 (Berterusan)</p> <p>2019 – 2023 (Berterusan)</p>

KOD RISIKO	RISIKO/POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH PELAN TERPERINCI
17	Penempatan pegawai di jawatan-jawatan "hotspot"	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Rasuah</li> <li>2. Pegawai kurang integriti</li> <li>3. <i>Conflict of interest</i></li> <li>4. Salah guna kuasa</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pegawai yang ditempatkan</li> <li>2. tidak berkualiti</li> </ol> <p>Rasuah berleluasa Prestasi Kementerian terjejas</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tindakan tatatertib atau</li> <li>2. surcaj</li> </ol> <p>Pemantauan secara berkala:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Menubuhkan Jawatankuasa yang melibatkan panel-panel di luar BSM</li> <li>ii. Menambahbaik arahan dalaman/SOP</li> </ol>	<p>Unit Integriti</p> <p>BSM</p> <p>BSM</p>	<p>2019 – 2023 (Berterusan)</p> <p>2019 – 2023 (Berterusan)</p> <p>2019 – 2023 (Berterusan)</p>
18	Kegagalan Pegawai Pemeriksa Aset Alih untuk menjalankan pemeriksaan aset secara menyeluruh (100%)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pegawai kurang integriti</li> <li>2. Kecuaian</li> <li>3. Pegawai Pemeriksa Aset tidak faham SOP</li> <li>4. Tiada pemantauan terhadap pelaksanaan dasar/peraturan</li> <li>5. <i>Conflict of interest</i></li> <li>6. Laporan pemeriksaan aset tidak disemak</li> <li>7. Pelantikan Pegawai Pemeriksa Aset yang tidak berpengalaman</li> <li>8. Tiada pemantauan di peringkat pengurusan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kerosakan Aset Alih yang tidak diselenggarakan lebih awal</li> <li>2. Kerugian kepada Kerajaan</li> <li>3. Pelaksanaan kerja terjejas</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kursus/Taklimat berkaitan pemeriksaan aset</li> <li>2. Semakan laporan pemeriksaan aset oleh Bahagian/Jabatan berkaitan</li> </ol>	<p>BKP</p> <p>BKP</p>	<p>2019 - 2023 (Sekurang-kurangnya sekali setahun)</p> <p>2019 - 2023 (Setiap kali pemeriksaan aset dibuat)</p>

KOD RISIKO	RISIKO/POTENSI RISIKO RASUAH	PUNCA-PUNCA	AKIBAT	PELAN TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB	SASARAN TARIKH PELAN TERPERINCI
19	Penyalahgunaan kenderaan Kementerian bagi tujuan bukan rasmi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pegawai kurang integriti</li> <li>2. Kecuaian</li> <li>3. Tiada pemantauan terhadap pelaksanaan dasar/peraturan</li> <li>4. <i>Conflict of interest</i></li> <li>5. Salah guna kuasa</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kerugian kepada Kerajaan</li> <li>2. Pelaksanaan kerja terjejas</li> </ol>	Kursus/Taklimat	BKP	2019 - 2023 (Sekurang-kurangnya sekali setahun)
20	Tatakelakuan dan penyalahgunaan kuasa Presiden Tribunal yang mendengar kes	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perjumpaan presiden dengan penuntut penentang diluar Tribunal berkenaan kes yang berkaitan</li> <li>2. Presiden yang pernah berurusan dengan Penuntut/Penentang sebelum pendengaran kes dan tidak menarik diri dari mendengar kes di Tribunal</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hak Penuntut/ Penentang dinafikan</li> <li>2. Keputusan berat sebelah</li> <li>3. Percanggahan kepentingan</li> </ol>	ETIKA: Tamatkan perlantikan Presiden	TPPS	2019 – 2023 (Berterusan)

## RUMUSAN

*Corruption risk management tool (CRM)* adalah satu cara berkesan yang boleh digunakan oleh sesebuah organisasi untuk mengesan risiko rasuah di kementerian/jabatan. Pengurusan boleh mengenal pasti jawatan atau orang yang cenderung ke arah risiko rasuah.

Walaupun terdapat banyak cara kawalan yang boleh diambil untuk mencegah atau mengurangkan risiko rasuah di organisasi seperti penambahbaikan SOP, kursus/latihan berintegriti, kerjasama dengan pihak SPRM dan sebagainya. Namun cara kawalan yang paling berkesan bagi mengurangkan punca dan peluang perbuatan rasuah, penyelewangan serta penyalahgunaan kuasa ialah kawalan dalaman organisasi.

Rasuah adalah satu penyakit yang boleh menular dan mempengaruhi pegawai lain di organisasi maka adalah amat penting untuk mengambil langkah pencegahan dengan segera.

## URUS SETIA PEMBANGUNAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Puan Elisa Helda anak Dollen  
Puan Subashini a/p Manickam  
Encik Ahmad Nazri bin Md Nor  
Encik Rosli bin Khairuddin  
Encik Khwar Izman bin Ismail  
Encik Huzaire bin Ishak  
Encik Ahmad Firdaus bin Zulkefli  
Puan Ermamimi binti Alias  
Encik Muhd Fakrulrazi bin Noh  
Puan Ainul Nadzirah binti Salehudin

Terima kasih juga kepada para pegawai di bahagian dan unit di KPKT yang terlibat dalam pembangunan CRM ini.

Encik Haji Yaacub bin Haji Chik  
Encik Omran bin Omar  
Dr. Gangeswari a/p Tangaraja  
Encik Sharulfaizal bin Tahar  
Puan Rafidah binti Jali  
Encik Nur Amzari bin Azemi  
Puan Norhanizatuazwin binti Samsuni  
Encik Muhammad Ziyad Izdihar bin Lim  
Encik Buhairi bin Jahilan  
Encik Roshan A/L Kharti Kayan  
Encik Huzaimi bin Baharudin  
Puan Shanthini a/p K.Batumalai  
Puan Mai Nurulhuda binti M.Azhar  
Encik Richie Anak Andrew  
Encik Izral Zuhairi bin Mohamad Desa  
Puan Siti Hajar binti Hashim  
Encik Mohd Fairuz bin Sulaiman  
Puan Ruby Hafsah binti Awang Alias  
Puan Martini binti Mohd Safai'ee  
Encik Shaiful Azhal bin Saliman@Hamdan  
Encik Go Kah Chong  
Encik Mohd Syukri bin Mohd Zulkapli

## GLOSARI

i.	BDI	: Bahagian Dasar dan Inspektorat
ii.	BKB	: Bahagian Kesejahteraan Bandar
iii.	BKew & Pero	: Bahagian Kewangan dan Perolehan
iv.	BKKK	: Bahagian Kawalan Kredit Komuniti
v.	BKP	: Bahagian Khidmat Pengurusan
vi.	BKS	: Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
vii.	BPEMB	: Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
viii.	BPP	: Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
ix.	BSM	: Bahagian Sumber Manusia
x.	BTM	: Bahagian Teknologi Maklumat
xi.	CGSO	: Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
xii.	COB	: Unit Pesuruhjaya Bangunan
xiii.	CRM	: Pengurusan Risiko Rasuah
xiv.	ICT	: Information and Communications Technology
xv.	ISO	: International Organization for Standardization
xvi.	JMB	: Joint Management Body
xvii.	KDN	: Kementerian Dalam Negeri
xviii.	MC	: Management Corporation
xix.	PBT	: Pihak Berkuasa Tempatan
xx.	PDRM	: Polis Diraja Malaysia
xxi.	PPG	: Pemegang Pajak Gadai
xxii.	PPKB	: Pembasmian Kemiskinan Bandar
xxiii.	PPW	: Pemberi Pinjam Wang
xxiv.	SOP	: <i>Standard Operating Procedure</i>
xxv.	SPRM	: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
xxvi.	TPPS	: Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata

